

CNS8308

U GB 13-09 00169 BA620

bah

(Ulangan - menggantikan berita terdahulu)

Mahathir-hutan

PERBETULKAN SEGERA KRITERIA PENGURUSAN HUTAN, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kriteria dan pengurusan hutan yang berterusan perlu diperbetulkan segera dan digunakan kepada semua jenis hutan dan kayu.

Beliau berkata walaupun usaha-usaha dijalankan untuk mengadakan rangka kerja yang lebih seimbang dan menyeluruh, hutan tropika terus menghadapi penelitian yang tidak adil daripada negara-negara maju dan menerima pelbagai tekanan dan pengharaman.

Ketika merasmikan Persidangan Perhutanan Komanwel yang dihadiri kira-kira 400 peserta di sini, Perdana Menteri berkata pada masa ini standard tunggal mengenai pengekalan yang dipersetujui oleh masyarakat antarabangsa ialah yang diterima oleh Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) dan ia khusus bagi hutan tropika.

Beliau berkata: "Apa yang membimbangkan kami ialah hutan dan kayu bukan tropika yang bersaing dengan kayu tropika dalam pasaran kayu antarabangsa yang sama tidak tertakluk kepada mana-mana standard antarabangsa dan komitmen kepada pengekalan yang dipersetujui. -- Lagi.

▼13/09/18-17MST

U GB 13-09 00162 BD812

bah

Mahathir-hutan 2 Kuala Lumpur

"Tetapi, kita tahu bahawa amalan menebang berbatu-batu hutan beriklim sederhana menyebabkan lebih banyak kerosakan kepada alam sekitar berbanding dengan penebangan terpilih dan terkawal yang diamalkan di hutan tropika."

Beliau berkata Utara menolak satu cadangan untuk memperluaskan Perjanjian Kayu Tropika Antarabangsa (ITTA) 1983 supaya meliputi semua jenis kayu agar kayu bukan tropika juga tertakluk kepada kriteria pengekalan yang sama dan menghapuskan semua masalah diskriminasi dan dwistandard.

Sambil menyelar negara-negara maju kerana tidak serius dan jujur dalam membuat sebarang komitmen, sekalipun di luar ITTA, Dr Mahathir berkata: "Hutan ialah sumber asli yang boleh dibaharui dan negara-negara maju boleh menebus kesalahan mereka dengan meningkatkan perlindungan hutan kepada satu tahap yang sewajarnya."

Dr Mahathir menggariskan usaha pemuliharaan Malaysia dan mengulangi komitmen negara kepada sasaran pengekalan ITTO menjelang tahun 2000 serta menarik perhatian kepada kurangnya sokongan daripada banyak negara mengenai penubuhan sebuah suruhanjaya dunia yang bebas mengenai pembangunan dan pengekalan hutan. -- Lagi

▼13/09/16-40MST

U GB 13-09 00160 BD813

bah

Mahathir-hutan 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata selain daripada keputusan oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pengkalan Pembangunan (CSD) untuk mengkaji semula perkara-perkara berhubung perhutanan pada 1995, tidak terdapat sebarang pelaksanaan yang bermakna berhubung keputusan oleh Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCED) mengenai perhutanan.

Memandangkan isu perhutanan memerlukan tindakan segera, beliau berkata satu pasukan petugas antara kerajaan mengenai perhutanan perlu ditubuhkan segera di bawah naungan CSD untuk mengadakan persiapan dan perundingan yang perlu bagi kajian semula itu, katanya.

Dr Mahathir berkata Komanwel boleh memulakan inisiatif dengan melaksanakan keputusan-keputusan UNCED memandangkan usaha awalnya dalam menggalakkan satu kaedah yang seimbang kepada isu-isu hutan dan alam sekitar sedunia menerusi Deklarasi Langkawi.

Beliau mencadangkan beberapa inisiatif untuk melaksanakan prinsip-prinsip hutan UNCED di kalangan negara Komanwel.

Ia termasuk pengiktirafan bahawa semua negara mempunyai kuasa penuh untuk mentadbir sumber hutan mereka secara berterusan dengan mengambil kira keperluan bagi pembangunan sosial dan ekonomi. -- Lagi

♥13/09/16-59MST

CNS8186

U GB 13-09 00081 BD814

bah

Mahathir-hutan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Sambil menggesa supaya kriteria dan pengurusan hutan berterusan dikhususkan bagi semua jenis hutan dan kayu, beliau berkata usaha ke arah menghijaukan dunia sepatutnya menjadi tanggungjawab utama negara-negara yang mempunyai perlindungan hutan yang sedikit.

Beliau menggesa supaya perlindungan hutan dunia ditingkatkan sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2000.

Negara-negara membangun juga perlu dibekalkan dengan sumber-sumber baru dan diberi kesempatan menggunakan teknologi canggih, katanya. -- Bernama

TCL LDB AKD

♥13/09/17-08MST